

BAB TIGA

BAB TIGA

ETIKA ALAM SEKITAR DARI PERSPEKTIF KEAGAMAAN

3.1 PENDAHULUAN

Di dalam bab dua yang lalu telah dikemukakan tentang perspektif pemikiran barat terhadap Etika Alam Sekitar. Daripada kupasan tersebut dapat diperhatikan bagaimana perspektif pemikiran barat tentang Etika Alam Sekitar masih dipengaruhi oleh pandangan alam Sains Moden yang diwarisi semenjak Revolusi Sains pada abad ke 17. Aliran-aliran pemikiran barat tentang Etika Alam Sekitar juga masih terpisah daripada pengaruh perspektif keagamaan. Oleh sebab itu, di dalam bab tiga ini akan dikemukakan juga persepsi Etika Alam Sekitar dari perspektif keagamaan. Kupasan tentang topik ini dapat membantu ke arah mewujudkan kepelbagaian pendekatan seterusnya menjadikan konsep Etika Alam Sekitar lebih mudah dihayati.

Tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh keagamaan di dalam memandu tindakan manusia ke atas alam sekitar adalah begitu besar. Hakikat inilah yang telah mendorong beberapa orang pengkaji seperti Lynn White Jr. untuk membuat tuduhan terhadap agama sebagai pencetus krisis alam sekitar pada masa kini. Polemik yang ditimbulkan Lynn White Jr. di dalam artikelnya bertajuk '*The Historical Roots of Our Ecological Crisis*' masih lagi diperbahaskan oleh para pengkaji Etika Alam Sekitar sehingga hari ini. Oleh kerana itu di dalam bab tiga ini, akan turut dikemukakan sorotan penulis berhubung dengan tuduhan yang dilontarkan oleh Lynn White Jr..

Seterusnya bab tiga ini juga akan mengupas pandangan beberapa agama iaitu Islam, Kristian, Hindu dan Buddhisme terhadap Etika Alam Sekitar. Pandangan agama Islam, Kristian, Hindu dan Buddhisme ini diketengahkan kerana agama-agama

ini merupakan agama-agama utama yang dianuti oleh masyarakat Malaysia. Penulis akan mengupas pandangan Islam secara panjang lebar, manakala kupasan tentang pandangan Kristian, Hindu dan Buddhisme akan dikemukakan secara umum. Penjelasan berhubung dengan pandangan agama-agama ini akan membantu kajian di dalam bab empat akan datang, iaitu berhubung dengan manifestasi Etika Alam Sekitar di Malaysia.

3.2 PERANAN AGAMA DALAM PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR

Manusia pada hari ini sedang menghadapi krisis alam sekitar yang serius. Bermacam usaha telah dilakukan termasuklah penciptaan teknologi baru untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar, mengembangkan penyelidikan tentang pengurusan alam sekitar yang berkesan, mengintegrasikan kepentingan pertumbuhan ekonomi dan alam sekitar serta mengorientasikan semula polisi pembangunan sesebuah negara. Krisis alam sekitar hari ini, cuba diatasi melalui pendekatan yang bersepadu iaitu mengambil kira pendekatan dari pelbagai disiplin pengajian. Pendekatan bersepadu dari semua dimensi ini, dirangkumkan di dalam satu kajian iaitu Sains Alam Sekitar (*Environmental Science*).

Hubungan di antara agama dan pemuliharaan alam sekitar merupakan satu daripada dimensi kajian yang semakin berkembang mutakhir ini. Kepercayaan beragama adalah sesuatu yang telah sebat dengan kehidupan manusia sejagat. Manusia secara umumnya bertindak menurut lunas-lunas yang telah ditentukan oleh agama masing-masing. Pada masa yang sama, krisis alam sekitar yang dihadapi masa ini adalah berpunca daripada tindakan manusia menodai alam sekitar secara perlebih-lebihan. Oleh kerana itu agama mempunyai peranan yang begitu penting ke arah mengatasi krisis alam sekitar yang dihadapi oleh manusia zaman moden ini.

Artikel Lynn White yang bertajuk '*The Historical Roots of Our Ecological Crisis*' dari satu segi yang positif, telah mengembangkan dialog tentang agama dan alam sekitar. Seterusnya dialog tentang agama dan alam sekitar ini semakin mendapat perhatian lalu mendorong wujudnya satu lagi dimensi kajian di dalam Sains Alam Sekitar seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Perkembangan dialog tentang agama dan alam sekitar boleh diperhatikan dengan bertambahnya penerbitan-penerbitan, persidangan-persidangan serta seminar-seminar yang berkaitan topik ini di peringkat antarabangsa. Malah menurut Alastair S. Gunn seorang pengkaji Etika Alam Sekitar dari New Zealand, pengaruh keagamaan adalah satu wasilah yang terbaik ke arah menerapkan Etika Alam Sekitar di dalam diri seseorang atau sesebuah masyarakat.¹

Strategi-strategi yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) berhubung dengan pemuliharaan alam sekitar sering dikatakan memberi pemasukan terhadap manusia (*human centered*). Hal seumpama ini dapat diperhatikan di dalam prinsip pertama Deklerasi Rio 1992 yang menyatakan:²

Human beings are the centre of concern for sustainable development. They are entitled to a healthy and productive life in harmony with nature.

Malah strategi-strategi pemuliharaan yang dikemukakan semenjak 1950 an sebelum ini juga dikatakan lebih bersifat pemasukan terhadap manusia.³ Fenomena ini boleh mendorong berlakunya ketidakadilan terhadap komponen-komponen ekologi yang lain. Walaupun terdapat beberapa aspek di dalam strategi-strategi yang dikemukakan menyentuh tentang survival spesis-spesis kehidupan yang lain, secara keseluruhannya kepentingan manusia masih menjadi fokus utama.

Menyedari perkara tersebut, lahir beberapa aliran kontra di kalangan pemikir barat yang menentang kecenderungan tersebut seperti aliran Hak Asasi Haiwan dan Ekologi Dalam seperti yang telah dijelaskan di dalam bab dua yang lalu. Menurut John Cobb seorang pengkaji Falsafah Alam Sekitar dari Amerika Syarikat, krisis alam sekitar yang dihadapi pada hari ini memerlukan kepada satu persepsi yang menghargai alam sekitar secara keseluruhan, sedangkan rata-rata pemikiran etika barat adalah bersifat anthroposentrik.⁴ Oleh kerana itu, ajaran agama mempunyai peranan yang penting untuk mewujudkan hubungan yang harmoni di antara manusia dan alam sekitar, sebagai alternatif kepada pemikiran etika barat.

3.2.1 Agama dan Perilaku Manusia

Rata-rata manusia di atas bumi ini mempunyai kepercayaan masing-masing. Persoalan kuat atau lemah seseorang itu berpegang kepada agama masing-masing adalah perkara kedua. Perkara utama yang perlu dinyatakan di sini ialah pegangan terhadap agama masih merupakan satu amalan yang dapat diterima oleh manusia keseluruhannya. Secara tidak langsung, agama memainkan peranan yang amat penting di dalam pembentukan perilaku seseorang serta amalan-sesebuah masyarakat. Seharusnya diakui bahawa kedua-dua perkara ini (perilaku seseorang dan amalan-sesebuah masyarakat) telah membawa perubahan yang besar terhadap alam sekitar sama ada di peringkat lokal ataupun global.

Justeru rata-rata manusia di dunia ini masih berpegang kepada agama, maka faktor keagamaan masih relevan serta mempunyai pengaruh yang penting ke arah menangani krisis alam sekitar yang sedang dihadapi pada hari ini.⁵ Faktor keagamaan boleh berperanan untuk menangani krisis alam sekitar melalui pendekatan berikut:

a. Pembinaan Pandangan Alam yang Harmoni

Seperi yang telah dijelaskan pandangan alam atau di dalam bahasa Jerman disebut *weltanschauung* mempunyai peranan yang begitu penting kepada pembentukan perilaku seseorang terhadap alam sekitar. Pandangan alam menjelaskan tentang hakikat sebenar hubungan alam sekitar dan manusia. Pengetahuan tentang hakikat sebenar hubungan alam sekitar dan manusia ini, akan mendorong manusia bertindak secara harmoni demi mengekalkan keseimbangan hubungan tersebut. Perkara ini merupakan persoalan pokok yang menjadi faktor pencetus kepada masalah alam sekitar yang dihadapi pada masa kini.⁶

Krisis alam sekitar yang sedang dihadapi adalah berpunca daripada pandangan alam yang tidak sesuai. Sains moden seperti yang dinyatakan sebelum ini, telah mewujudkan beberapa pandangan alam yang tidak harmoni terhadap alam sekitar. Perkembangan sains moden yang berdasarkan empirisme juga tidak begitu mementingkan persoalan nilai yang bersifat abstrak. Kalaupun ada kupasan tentang persoalan tersebut, penjelasannya amat dipengaruhi oleh pandangan positivisme yang melihat sains sebagai kebenaran yang tertinggi. Oleh sebab itu, alam sekitar menurut pandangan alam sains moden adalah tidak lebih daripada objek-objek fizikal seumpama komponen-komponen mesin yang berada di sekeliling manusia.

Pandangan alam seseorang atau sesebuah masyarakat akan menentukan bentuk tindakan seseorang terhadap alam sekitar. Sesuatu tindakan ke atas alam sekitar boleh ditentukan baik atau buruknya berdasarkan kepercayaan seseorang tentang hakikat hubungannya dengan alam sekitar. Penguasaan manusia terhadap alam sekitar melalui sains dan teknologi seperti yang berlaku pada hari ini, berpunca daripada pandangan alam yang tersasar. Untuk membetulkan tindakan seperti ini, tidak dapat tidak

manusia perlu kembali mempersoalkan pandangan alam yang diterima seterusnya membuat reformasi ke arah pandangan alam yang bersifat harmoni.

Pengetahuan berhubung dengan pandangan alam ini telah berkembang di dalam tamadun sains klasik dan telah dikenali dengan bidang Kosmologi. Perkembangan Kosmologi di dalam tamadun sains klasik amatlah dipengaruhi oleh kepercayaan masyarakat pada masa tersebut. Perkara ini telah diterangkan dengan jelas oleh Osman Bakar seperti berikut:⁷

Tidak ada bangsa atau umat yang tidak mempunyai kosmologi. Dari bangsa yang paling primitif sehingga kepada bangsa yang paling bertamadun, semuanya mempunyai sedikit sebanyak ajaran kosmologi yang menjadi bahagian penting kepada sistem kepercayaan masing-masing. Sebelum zaman moden agama merupakan sumber terpenting ajaran kosmologi bagi umat manusia.

Sememangnya persoalan yang berkaitan dengan asal-usul alam, hubungan di antara manusia dan alam serta kesudahan alam ini, merupakan beberapa persoalan asasi yang diperbincangkan oleh agama. Oleh itu untuk membentuk pandangan alam yang harmoni, agama memainkan peranan utama sebagai dasar terhadap pembentukan pandangan alam tersebut.

b. Pembentukan Budaya dan Gaya Hidup (*Lifestyle*) yang Sihat

Budaya hidup seseorang atau sesebuah masyarakat juga boleh mencorakkan tindakan mereka terhadap alam sekitar. Budaya adalah merujuk kepada cara hidup seseorang atau sesebuah masyarakat di dalam menjalankan aktiviti kehidupan harian. Aktiviti kehidupan manusia sehari-hari tidak dapat dipisahkan daripada ruang hidupan mereka yang melibatkan alam sekitar. Tidak dapat dinafikan wujudnya budaya hidup seseorang atau sesebuah masyarakat yang tidak sesuai sehingga boleh

menyebabkan kerosakan persekitaran. Budaya hidup yang seumpama ini, telah mendorong manusia mengeksplorasi alam sekitar secara besar-besaran serta mengganggu keseimbangannya.

Selain daripada budaya hidup, gaya hidup seseorang atau sesebuah masyarakat juga memberikan impak yang besar terhadap alam sekitar. Gaya hidup seseorang atau sesebuah masyarakat adalah berkaitan dengan pencapaian tahap ekonomi. Pada hari ini, dapat diperhatikan wujudnya gaya hidup yang membazir di kalangan masyarakat negara maju serta golongan yang berada. Gaya hidup secara membazir ini telah menyebabkan berlakunya penggunaan sumber alam sekitar semulajadi lebih daripada keperluan masing-masing. Penggunaan sumber alam sekitar semulajadi secara berlebihan sudah pasti boleh menyebabkan kepupusan sumber tersebut untuk kegunaan generasi yang akan datang.

Menyedari hakikat tersebut, reformasi budaya dan gaya hidup mempunyai peranan yang penting ke arah menyelesaikan krisis alam sekitar zaman ini. Menurut Stephen R. Sterling seorang pengkaji Pendidikan Alam Sekitar di *University of Reading England*, reformasi budaya dan gaya hidup yang tidak harmoni terhadap alam sekitar perlu dilaksanakan demi mengatasi krisis alam sekitar yang sedang dihadapi.⁸ Keperluan reformasi budaya dan gaya hidup ini turut ditegaskan oleh *International Union for the Conservation of Nature and Natural Resources* (IUCN), iaitu sebagaimana yang dikemukakan di dalam seksyen 13, *World Conservation Strategy* (WCS).⁹ Perubahan budaya dan gaya hidup seseorang atau sesebuah masyarakat mempunyai kaitan yang amat rapat dengan aspek keagamaan. Oleh sebab itu, agama memainkan peranan yang penting di dalam menghadapi krisis alam sekitar hari ini.

c. Penggubalan Sistem Nilai yang Tuntas

Krisis alam sekitar masa kini menuntut berlakunya reformasi nilai yang menyeluruh sama ada terhadap individu, masyarakat atau negara. Di dalam konteks individu, pemupukan nilai yang murni terhadap alam sekitar perlu dilakukan di semua peringkat umur. Moral yang baik perlu dipupuk, supaya seseorang individu itu memahami bentuk tindakan yang sesuai terhadap alam sekitar dan tindakan yang boleh mengganggu keseimbangannya. Di samping itu, pemupukan moral yang baik ini secara tidak langsung akan mewujudkan rasa bertanggungjawab di kalangan masyarakat terhadap masalah alam sekitar yang dihadapi.

Pembentukan sistem nilai yang dapat diterima bersama oleh sesebuah masyarakat adalah satu keperluan ke arah mengatasi krisis alam sekitar. Terdapat sistem nilai yang diamalkan di dalam sesebuah masyarakat ada yang bersifat tidak termaktub di bawah undang-undang seperti adat tradisi dan pantang larang. Sebaliknya, terdapat pula pembentukan sistem nilai yang termaktub di bawah pentadbiran sesebuah negara, iaitu merujuk kepada penggubalan polisi dan perundangan. Kedua-dua perkara ini adalah perlu sebagai satu pendekatan bersepada untuk memulihara alam sekitar. Malah kedua-duanya telah berkembang menjadi dimensi pengajian yang tersendiri di dalam Sains Alam Sekitar pada hari ini.¹⁰

Kepercayaan beragama mempunyai pengaruh yang besar terhadap pembentukan sistem nilai sama ada terhadap individu, masyarakat atau negara. Peranan agama di dalam pembentukan sistem nilai terhadap individu dan masyarakat sememangnya telah diterima ramai. Namun demikian, peranan agama di dalam pembentukan sistem nilai sesebuah negara masih merupakan satu perkara yang janggal. Walau bagaimanapun, jelas dapat diperhatikan bahawa agama memainkan peranan yang penting terhadap pembentukan sistem nilai untuk kehidupan yang lebih

teratur. Kenyataan ini secara langsung membuktikan betapa agama mempunyai peranan yang penting ke arah penyelesaian krisis alam sekitar.

3.2.2 Hubungan Antara Agama dan Sains Moden

Perkataan ‘*Science*’ di dalam bahasa Inggeris adalah berasal daripada perkataan ‘*Scientia*’ di dalam bahasa Latin yang bermaksud pengetahuan tersusun tentang alam tabii.¹¹ Sebagai satu bidang yang membicarakan secara langsung tentang alam tabii, sains tidak dapat dipisahkan daripada persoalan ketuhanan (agama). Sebelum kemunculan Sains Moden di Eropah pada abad ke 17, agama dan sains adalah dua bidang yang berkaitan di antara satu sama lain. Hubungan di antara agama dan sains seperti ini telah wujud di dalam tamadun-tamadun sains klasik terdahulu. Di antara tamadun-tamadun sains klasik yang telah memperlihatkan keharmonian hubungan di antara agama dan sains ialah Tamadun dan Sains Yunani, Tamadun dan Sains India, Tamadun dan Sains China serta Tamadun dan Sains Islam.

Pemisahan di antara agama dan sains adalah merupakan ciri yang paling asas bagi Sains Moden.¹² Latar belakang kemunculan Sains Moden sendiri sudah cukup untuk membuktikan wujudnya pemisahan tersebut. Kemunculan Sains Moden pada abad ke 17, sebenarnya didahului dengan kebangkitan semula Eropah yang juga dikenali dengan Renaisans. Semasa berlakunya Renaisans, gerakan untuk membebaskan pemikiran masyarakat Eropah daripada golongan eklesiastik giat dilakukan. Kongkongan golongan eklesiastik ini dikatakan sebagai punca masyarakat Eropah berada di dalam kebekuan intelek yang panjang semasa *The Dark Ages* (Zaman Kegelapan). Oleh sebab itu, pembebasan daripada kongkongan golongan eklesiastik ini dianggap sebagai kunci untuk membangunkan semula masyarakat Eropah.

Renaissance yang berlaku di Eropah telah membangkitkan semangat Humanisme yang seterusnya telah melahirkan Revolusi Sains pada abad ke 17.¹³ Seperti yang telah dijelaskan di dalam bab dua yang lalu, Humanisme adalah satu fahaman yang meletakkan faktor kemanusiaan sebagai rujukan tertinggi di dalam menentukan sesuatu kebenaran, mengatasi faktor-faktor yang lain termasuklah keagamaan. Manusia dikatakan mempunyai potensi bagi menentukan hakikat kehidupan mereka tanpa perlu merujuk kepada agama. Fahaman Humanisme inilah yang telah mencetuskan beberapa lagi fahaman seumpamanya seperti Rasionalisme, Materialisme dan Positivisme.¹⁴ Kesemua fahaman ini berusaha untuk membebaskan pemikiran manusia daripada terikat dengan pengaruh keagamaan.

Gerakan pembebasan yang wujud semasa Renaissance, telah menyemarakkan lagi pertelingkahan di antara golongan intelek dan golongan eklesiastik. Demi menjamin keutuhan pegangan Kristian Katholik, golongan eklesiastik telah mewujudkan Mahkamah Penyiasatan (*Inquisition Court*) bagi mengambil tindakan terhadap golongan intelek yang menyebarkan ajaran yang bertentangan dengan pegangan gereja. Ramai tokoh-tokoh sains telah dihukum oleh Mahkamah Penyiasatan kerana dikatakan terlibat dengan penyebaran ajaran yang bercanggah dengan agama. Di antara tokoh-tokoh sains yang dihukum termasuklah Giordano Bruno (1548-1600 M) dan Galileo Galilei(1564-1642 M), dua orang ahli Astronomi yang terkemuka pada ketika itu.

Disebabkan situasi tersebut, ramai tokoh-tokoh sains melarikan diri ke England yang pada ketika itu bebas daripada tindakan Mahkamah Penyiasatan. Meskipun wujud pertelingkahan yang hebat, golongan intelek tetap meneruskan kajian sains mereka. Hasil daripada kajian-kajian yang dilakukan, golongan intelek telah mengemukakan banyak pandangan tentang alam tabii yang sama sekali

bercanggah dengan pegangan Kristian Katholik. Penemuan-penemuan sains yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh seperti Nicolas Copernicus (1473-1543 M), Tycho Brahe (1546-1601 M), William Harvey (1578-1657 M), Rene Descartes (1596-1650 M) dan Isaac Newton (1642-1727 M) telah menyerlahkan lagi potensi sains sebagai penjelas hakikat alam tabii.

Hasil daripada penemuan-penemuan ini berlaku perubahan secara besar-besaran terhadap pemikiran Sains Yunani yang begitu berpengaruh di Eropah sebelum itu. Satu demi satu pandangan Sains Yunani yang dipelopori oleh Aristotle ditumbangkan. Secara tidak langsung pengaruh golongan eklesiastik semakin berkurangan kerana pandangan-pandangan Sains Yunani adalah sebahagian daripada doktrin keagamaan yang dipertahankan oleh mereka. Perubahan secara besar-besaran daripada pemikiran Sains Yunani kepada Sains Moden inilah yang dikenali sebagai Revolusi Sains.¹⁵ Oleh kerana itu, kemunculan Sains Moden menandakan bermulanya penolakan terhadap agama khususnya Kristian Katholik yang merupakan agama rasmi Eropah pada ketika itu.

Sains Moden dikatakan berjaya menyingkap hakikat sebenar alam tabii, seterusnya melenyapkan kepercayaan metafizik seperti yang wujud di dalam agama Kristian Katholik. Kepercayaan metafizik yang sememangnya sukar dibuktikan secara empirikal, dianggap sebagai tahayul yang perlu disingkirkan. Kemuncak kepada penolakan Sains Moden terhadap agama Kristian Katholik berlaku semasa Zaman Kesedaran (*The Age of Enlightenment*), iaitu dengan kemunculan fahaman Deisme, Agnostisisme dan Atheisme. Fahaman ini telah tersebar ke seluruh Eropah, malah menjadi pegangan sebahagian besar ahli falsafah dan saintis. Sebagai contoh, Rene Descartes di dalam bukunya '*Discourse on Methods*' (1637 M) meragui kebenaran *kitab Bible* selagi tidak boleh dibuktikan secara rasional dan empirikal.¹⁶

Jurang pemisahan di antara Sains Moden dan agama semakin melebar apabila kaedah saintifik diperkenalkan khususnya oleh Francis Bacon (1561-1626 M). Kaedah saintifik yang hanya menekankan pembuktian secara empirikal, dianggap sebagai satu-satunya kaedah yang boleh menjelaskan tentang hakikat sebenar alam tabii. Berdasarkan kepada pendirian tersebut, kebenaran tentang alam tabii hanya terdapat di dalam Sains Moden, manakala yang selain daripadanya adalah tahayul semata-mata. Pegangan yang hanya menerima kebenaran seperti ini, telah melahirkan satu lagi fahaman yang cukup berpengaruh di dalam pemikiran moden iaitu Positivisme.

Selain daripada itu, pegangan ini juga turut melahirkan pandangan alam Materialisme yang menafikan sama sekali kewujudan alam metafizik (alam ghaib). Kepercayaan terhadap alam metafizik merupakan perkara pokok yang terdapat di dalam pegangan agama. Jadi, penafian terhadap kewujudan alam metafizik, bermakna penolakan sebahagian besar daripada pegangan keagamaan. Berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan di atas, dapat diperlihatkan bahawa pemisahan yang wujud di antara Sains Moden dan agama adalah suatu realiti yang tidak boleh dinafikan yang kemudiannya mempunyai kesan terhadap sikap manusia ke atas alam sekitar.

3.2.3 Sorotan terhadap “*The Historical Roots of Our Ecological Crisis*”

Artikel '*The Historical Roots of Our Ecological Crisis*' telah dihasilkan oleh Lynn White Jr., seorang profesor sejarah di *University of California*. Pada asalnya artikel ini telah diterbitkan oleh *The American Association for the Advancement of Science* di dalam jurnal *Science* pada bulan Mac 1967. Kemudian artikel ini telah diterbitkan semula beberapa kali di dalam beberapa buah buku yang membahas tentang Etika Alam Sekitar. Artikel yang dihasilkan oleh Lynn White Jr. ini telah

menimbulkan kontroversi seterusnya mencetuskan perbahasan yang berpanjangan. Meskipun terdapat pertelingkahan pandangan, dari satu segi perbahasan yang dicetuskan oleh artikel ini telah meluaskan lagi perkembangan falsafah alam sekitar.

Di dalam artikelnya itu, Lynn White Jr. telah mendakwa bahawa punca utama kepada krisis alam sekitar yang dihadapi pada masa kini ialah doktrin Judeo-Kristian. Doktrin ini dikatakan telah mendorong manusia untuk bertindak menguasai alam sekitar sebab mereka telah diarahkan Tuhan untuk berbuat demikian.¹⁷ Seterusnya, Lynn White Jr. mendakwa doktrin Judeo-Kristian ini telah membangkitkan pandangan alam dualisme yang meletakkan manusia lebih tinggi martabatnya daripada komponen-komponen alam sekitar yang lain.¹⁸ Menurut Lynn White Jr. lagi, perkembangan sains dan teknologi zaman moden adalah bersumberkan doktrin Judeo-Kristian, yang kemudiannya telah menyebabkan tercetusnya krisis alam sekitar seperti yang sedang dihadapi.¹⁹ Dakwaan Lynn White Jr. ini sebenarnya tidak sekadar ditujukan kepada doktrin Judeo-Kristian tetapi turut meliputi agama-agama bukan barat yang lain termasuklah Islam.

Melihat kepada artikel yang dihasilkan oleh Lynn White Jr. ini, terdapat beberapa pendiriannya yang begitu ketara menjadi punca tercetusnya perdebatan. Pendirian-pendirian tersebut telah mendapat tentangan yang meluas daripada pelbagai pihak. Beberapa pendirian dasar yang menimbulkan polemik di dalam artikel Lynn White adalah seperti berikut:

- a. Lynn White Jr. telah menimbulkan polemik di dalam menafsirkan arahan Tuhan kepada Adam seperti yang dikemukakan oleh beberapa ayat di dalam Bible. Lynn White Jr. menganggap bahawa arahan itu menggambarkan perintah Tuhan kepada manusia supaya menguasai alam sekitar. Pendirian seperti ini telah ditentang oleh

pendukung-pendukung Kristian, kerana arahan tersebut sebenarnya bermaksud tanggungjawab yang diberikan kepada manusia untuk menguruskan alam sekitar yang lebih dikenali sebagai konsep *stewardship*.²⁰ Menurut Robin Attfield, tradisi doktrin Judeo-Kristian sebenarnya begitu menekankan persoalan tanggungjawab manusia ke atas alam tabii, di samping turut mementingkan pemerolehan keperluan hidup mereka.²¹ Malangnya, golongan sekular seperti Lynn White Jr. hanya melihat kepada pengajaran doktrin Judeo-Kristian tentang keperluan hidup manusia, tanpa memahami pengajaran tentang tanggungjawab yang dibebankan ke atas manusia terhadap alam sekitar.²² Konsep *stewardship* menghendaki manusia supaya menguruskan alam sekitar dengan sempurna. Oleh sebab itu, dakwaan yang dikemukakan oleh Lynn White Jr. di dalam artikelnya tidak mungkin diterima sehingga beliau boleh manafikan konsep *stewardship* ini.

b. Lynn White Jr. telah mencetuskan perdebatan dengan mendakwa bahawa kemunculan Sains Moden di dorong oleh teologi tabii (*natural theology*) doktrin Judeo-Kristian, manakala kemunculan teknologi pula adalah kesan daripada pengajaran doktrin tersebut tentang sifat transenden manusia ke atas alam sekitar.²³ Lebih daripada itu, beliau juga mendakwa bahawa dominasi barat dalam sains dan teknologi bukanlah hanya bermula selepas Revolusi Sains dan Revolusi Industri, tetapi lebih awal iaitu selewat-lewatnya pada kurun ke 13.²⁴ Dakwaan Lynn White Jr. ini dilihat cuba mengaburi sejarah perkembangan Sains Moden di Eropah, yang sebenarnya lebih di dorong oleh gerakan pembebasan daripada pengaruh keagamaan. Sebagaimana yang sedia maklum, kemunculan Sains Moden di Eropah telah didahului oleh pertelingkahan yang begitu sengit di antara golongan eklesiastik dan golongan saintis. Pertelingkahan ini telah berlangsung begitu lama sehingga

tercetusnya gerakan yang hebat untuk memisahkan pengaruh keagamaan daripada sains. Pemisahan antara agama dan sains adalah ciri yang paling utama di dalam Sains Moden. Jadi, dakwaan yang dikemukakan oleh Lynn White Jr. sukar untuk diterima kerana menyimpang daripada ciri utama yang wujud pada Sains Moden itu sendiri.

c. Kenyataan Lynn White Jr. yang mendakwa doktrin Judeo-Kristian sebagai sumber pandangan alam dualisme dalam Sains Moden turut menimbulkan kekeliruan.²⁵ Meskipun, doktrin Judeo-Kristian meletakkan manusia sebagai pengurus kepada alam sekitar, mereka tetap tergolong sebagai sebahagian daripada komponen alam sekitar keseluruhan. Pandangan alam dualisme yang timbul dalam Sains Moden bukanlah bersumberkan doktrin Judeo-Kristian, tetapi bersumberkan fahaman sekularisme. Pemencilan pengaruh keagamaan dalam Sains Moden telah mencetuskan pendirian yang hanya menerima sesuatu kebenaran sekiranya boleh dibuktikan secara empirikal. Pendirian seperti ini, melihat alam tabii hanya terdiri daripada alam fizikal (material) serta menafikan kewujudan Tuhan sebagai pencipta alam sekitar keseluruhan. Jadi, kemunculan beberapa pandangan alam dalam Sains Moden termasuklah yang bersifat dualisme, merupakan kesan daripada pemencilan pengaruh keagamaan.²⁶

d. Pendirian yang dibuat oleh Lynn White Jr., tentang doktrin Judeo-Kristian sebagai punca kepada krisis alam sekitar zaman ini cukup kontroversi. Lynn White Jr. mendakwa punca krisis alam sekitar masa kini bukanlah daripada sains dan teknologi zaman moden, tetapi paradigma yang mendasari keduanya iaitu doktrin Judeo-Kristian. Sebagaimana yang diterangkan sebelum ini, perkembangan sains dan teknologi zaman moden lebih dicirikan oleh fahaman sekularisme yang bersikap memenculkan pengaruh keagamaan.²⁷ Gerakan memenculkan pengaruh keagamaan

telah menyebabkan sains dan teknologi zaman moden bersifat bebas nilai. Menurut Seyyed Hossein Nasr, krisis-krisis yang dicetuskan oleh sains dan teknologi zaman moden adalah disebabkan paradigma Tamadun Barat berlandaskan Humanisme yang menafikan kewujudan alam metafizik.²⁸ Pemencilan pengaruh keagamaan menyebabkan sains dan teknologi zaman moden tidak lagi terikat dengan nilai baik dan buruk, lalu memungkinkan para saintis melakukan apa sahaja demi kepentingan pihak-pihak tertentu. Sains dan teknologi yang bersifat bebas nilai inilah yang menjadi punca utama kepada krisis alam sekitar masa kini.

Kekeliruan-kekeliruan yang terdapat di dalam artikel Lynn White Jr., menyebabkan tuduhan yang dibuat olehnya tentang punca krisis alam sekitar telah dipertikaikan oleh banyak pihak. Perkembangan pengajian Etika Alam Sekitar mutakhir ini, khususnya yang berkaitan dengan *Eco-Theology* telah banyak memperlihatkan kelemahan kesimpulan yang dibuat oleh beliau. Meskipun Lynn White Jr. mempunyai ramai pengikut seperti John Cobb dan John Passmore, aliran yang dibawa olehnya sudah terpinggir daripada arus perdana Environmentalisme. Hari ini, artikel '*The Historical Roots of Our Ecological Crisis*' masih dikenang sebagai satu pencetus kepada perbahasan yang hangat tentang falsafah alam sekitar.

3.3 ETIKA ALAM SEKITAR MENURUT PANDANGAN PELBAGAI AGAMA

Peranan pengaruh keagamaan di dalam menghayati Etika Alam Sekitar sememangnya penting. Penghayatan Etika Alam Sekitar di dalam diri seseorang amat bergantung kepada keyakinannya terhadap prinsip-prinsip yang berkaitan dengan Etika Alam Sekitar tersebut. Keyakinan yang seperti ini tidak mungkin wujud kecuali dengan bantuan pengaruh keagamaan. Kepercayaan seseorang terhadap pengajaran

agama dapat menjamin dirinya sentiasa bertindak sesuai dengan Etika Alam Sekitar, biarpun berada dalam keadaan bersendirian. Berdasarkan kenyataan tersebut, adalah wajar Etika Alam Sekitar diasimilasikan di dalam pengajaran sesuatu agama agar dapat memandu penganutnya bertindak secara harmoni ke atas alam sekitar.

3.3.1 Etika Alam Sekitar Menurut Pandangan Hinduisme

Hinduisme adalah satu agama yang telah mengajar penganutnya untuk menerima satu bentuk pandangan alam yang tersendiri. Menurut Hinduisme penciptaan, pemeliharaan dan pemusnahan seluruh alam semesta ini adalah ditentukan oleh satu kuasa yang maha pencipta.²⁹ Keseluruhan alam semesta meliputi langit, bumi, lautan, spesis hidupan dan komponen-komponen alam tabii yang lain adalah tertakluk di bawah kuasa Tuhan tersebut. Segala yang berlaku di dalam alam semesta ini adalah di bawah pengawasannya. Oleh kerana itu manusia tidak mempunyai keistimewaan ke atas komponen-komponen alam tabii yang lain kerana semuanya adalah milik mutlak Tuhan.

Menurut Hinduisme, manusia juga merupakan satu bahagian daripada alam semesta keseluruhannya bukannya satu komponen yang terasing.³⁰ Doktrin Kesatuan Wujud (*The Unity of Existence*) yang diterima oleh Hinduisme menyatakan bahawa keseluruhan alam semesta ini adalah limpahan daripada Tuhan (Brahma), bahkan Brahma meliputi segala-galanya di dalam alam semesta ini.³¹ Di dalam Hinduisme, doktrin yang menyatakan tiada dualisme di antara Tuhan dan alam semesta dikenali sebagai *Advaita*. Berdasarkan doktrin yang bersifat non-dualisme seperti ini, alam semesta dikatakan kudus iaitu mempunyai sifat ketuhanan.³² Dengan menerima doktrin Kesatuan Wujud, penganut Hinduisme tidak boleh bertindak sesuka hati

terhadap alam sekitar kerana ini menghina sifat ketuhanan serta boleh menimbulkan kemudaratian ke atas diri mereka sendiri.

Kepercayaan tentang alam semesta sebagai limpahan daripada Brahma mempunyai kaitan yang rapat dengan doktrin *Samsara* di dalam ajaran Hinduisme. Menurut doktrin *Samsara*, roh (*Atman*) yang wujud di dalam suatu kehidupan akan berpindah kepada suatu kehidupan yang lain selepas kematian.³³ Perpindahan roh daripada suatu kehidupan kepada suatu kehidupan yang lain bergantung kepada amalan yang dilakukan. Sekiranya amalan yang dilakukan baik, maka selepas kematian roh akan berpindah kepada kehidupan yang berdarjah lebih tinggi dan begitulah pula sebaliknya. Pembalasan terhadap amalan seperti yang dipercayai oleh Hinduisme ini dikenali sebagai hukum *Karma*.³⁴ Seseorang manusia mestilah berusaha untuk melakukan amalan kebaikan demi untuk mencapai darjah tertinggi (*Moksha*) sehingga tidak berlaku lagi perpindahan roh. Kepercayaan terhadap doktrin ini mendorong penganut Hinduisme supaya menghormati semua kehidupan di dalam alam semesta di samping sentiasa melakukan kebaikan.

Sehubungan dengan itu, manusia mestilah mematuhi panduan moral yang dikenali sebagai *Dharma* di dalam kehidupan mereka sehari-hari. *Dharma* sebenarnya bermaksud kedudukan yang hakiki.³⁵ Beramal dengan *Dharma* adalah penting kepada penganut-penganut Hinduisme, demi untuk mencapai kedudukan yang hakiki bagi roh iaitu *Moksha*. Di antara amalan penting yang ditekankan oleh *Dharma* ialah memelihara kebersihan.³⁶ Tugas memelihara kebersihan adalah merupakan tanggungjawab setiap individu. Seseorang yang mengabaikan tanggungjawab itu akan menerima hukuman disebabkan dosa yang dilakukan. Jadi, *Dharma* mengajar penganut-penganut Hinduisme supaya tidak mencemarkan alam sekitar, sebaliknya mengekalkan kebersihannya.

Satu lagi perkara yang diberi penekanan oleh Hinduisme ialah tidak melakukan kekejaman terhadap kehidupan yang lain (fauna). Menurut doktrin *Ahimsa*, penganut-penganut Hinduisme dilarang melakukan kekejaman terhadap haiwan sebagaimana juga tidak boleh bertindak sedemikian terhadap manusia.³⁷ Doktrin ini telah mendorong mereka yang berpegang kuat terhadap Hinduisme bersikap *vageterian* di dalam pemakanan. Selain daripada itu, Hinduisme mengajar penganutnya supaya memuja pokok kerana ia merupakan simbol kepada pelbagai sifat ketuhanan di samping setiap pokok mempunyai dewa masing-masing yang bernama *Vriksha-devata*.³⁸ Menurut Hinduisme lagi, kawasan hutan adalah kawasan kediaman bagi dewa Krishna.³⁹ Oleh sebab itu, penganut-penganut Hinduisme dilarang menebang pokok sewenang-wenangnya, sebaliknya perlu mengekalkan kawasan berhutan.

Berdasarkan kepada penjelasan terhadap beberapa doktrin Hinduisme di atas, dapat diperhatikan bahawa Etika Alam Sekitar bukanlah sesuatu yang asing daripada agama tersebut. Bertindak secara bermoral ke atas alam sekitar telah sedia diamalkan oleh penganut-penganut Hinduisme sejak sekian lama, yang kemudiannya telah diwarisi pula secara turun-temurun. Warisan Hinduisme ini sudah tentu dapat menyediakan situasi yang sesuai kepada penganut-penganutnya untuk mengamalkan Etika Alam Sekitar.

3.3.2 Etika Alam Sekitar Menurut Pandangan Buddhisme

Buddhisme mempunyai persepsi yang tersendiri tentang pandangan alam, walaupun agama ini dilihat lebih memberi penekanan kepada persoalan moral manusia. Menurut Buddhisme, alam tabii ini adalah hidup walaupun pada pandangan manusia ia tidak bergerak.⁴⁰ Doktrin yang menyatakan bahawa alam tabii ini hidup

turut dikaitkan dengan kepercayaan terhadap bumi dan langit sebagai ibubapa kehidupan.⁴¹ Oleh sebab itu, manusia mestilah bertindak secara berhati-hati terhadap alam sekitar sebagai tanda mengasihi dan menghormati ibu mereka (bumi). Para penganut Buddhism diajar supaya sentiasa menyedari, bahawa alam tabii begitu peka kepada sebarang tindakan yang dilakukan terhadapnya oleh manusia.⁴²

Menurut Buddhism lagi, alam tabii ini wujud di dalam keadaan yang dinamik, malah semua yang ada di dalam alam tabii ini adalah hasil daripada proses perubahan yang berterusan (*sabbe sankhara anicca*).⁴³ Dengan pengertian yang lain, tidak ada sesuatu di dalam alam tabii ini yang bersifat statik atau stabil, sebaliknya sentiasa berubah. Selain daripada itu, Buddhism juga mempercayai bahawa perubahan yang berlaku di dalam alam tabii ini begitu dipengaruhi oleh moral manusia selain daripada faktor-faktor semulajadi.⁴⁴ Menyedari hakikat tersebut, Buddhism telah mengajar penganutnya supaya sentiasa berkelakuan baik demi untuk mengelakkan berlakunya perubahan alam secara besar-besaran.

Sebagaimana Hinduisme, Buddhism juga mempercayai doktrin kelahiran semula (*reincarnation*). Menurut Buddhism, matlamat kehidupan ini adalah untuk mencapai peringkat *Nirwana*, iaitu peringkat yang menghapuskan segala nafsu dan kehendak. Setelah mencapai peringkat *Nirwana* ini, barulah tiada lagi kelahiran semula. Sehubungan dengan itu, penganut-penganut Buddhism mestilah berusaha untuk melawan nafsu dan kehendak diri, sebaliknya hidup di dalam keadaan yang serba mudah. Penganut-penganut Buddhism tidak boleh mengeksplotasikan sumber alam secara sewenang-wenangnya melainkan hanya untuk keperluan hidup. Menurut Stephen Batchelor seorang penganut dan pengkaji Buddhism yang sekarang menetap di England, mengamalkan cara hidup yang serba mudah adalah satu bentuk

penyelesaian yang terdapat di dalam Buddhism, ke arah mengatasi krisis alam sekitar masa kini.⁴⁵

Bagi memastikan penganut-penganutnya menjalani kehidupan di atas muka bumi ini dengan baik, Buddhism telah menggariskan tiga perkara yang dianggap sebagai amalan mulia untuk mencapai *Nirwana*. Tiga perkara tersebut ialah *Sila* (panduan moral), *Samadhi* (disiplin berfikir) dan *Panna* (kebijaksanaan). Berdasarkan kepada tiga perkara tersebut dapat dikemukakan prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar sebagai pedoman khususnya kepada penganut-penganut Buddhism iaitu:⁴⁶

a. Kefahaman yang Benar

Buddhism meminta penganutnya supaya memahami tentang hakikat sebenar bumi dan persekitaran yang mereka duduki. Ke arah mencapai kefahaman yang sebenar tentang hakikat tersebut, penganut-penganut Buddhism mestilah turut mendalamai keperibadian dan permasalahan hati mereka.

b. Pemikiran yang benar

Penganut-penganut Buddhism juga diajar supaya mempunyai pemikiran yang benar. Kenyataan ini menjelaskan bahawa penganut-penganut Buddhism perlulah mempunyai cara berfikir yang betul tentang alam sekitar, iaitu dengan memahami betapa pentingnya survival alam sekitar serta turut menyedari akibat daripada kemusnahannya.

c. Percakapan yang Benar

Buddhism juga mengajar penganut-penganutnya supaya tidak bercakap sompong tentang kemampuan mereka untuk bertindak terhadap alam sekitar. Mereka

juga diingatkan supaya sentiasa mengajar masyarakat perkara yang benar tentang alam sekitar serta bertindak secara harmoni ke atasnya.

d. Tindakan yang Benar

Penganut-penganut Buddhisme juga dimestikan bertindak dengan tindakan yang sesuai terhadap alam sekitar, iaitu dengan menurut panduan moral yang telah dikemukakan oleh Sidhdharta Gautama Buddha. Mereka dilarang sama sekali melakukan kekejaman terhadap makhluk-makhluk yang lain.

e. Cara Hidup yang Benar

Buddhisme juga mengajar penganut-penganutnya supaya hidup secara sihat, sederhana lagi berhemat. Mengamalkan cara hidup yang membazir serta merosakkan adalah dilarang sama sekali. Cara hidup yang sederhana dan berhemat ini adalah perlu bagi memastikan sumber-sumber alam tidak dieksplotasikan sewenang-wenangnya.

f. Usaha yang Benar

Buddhisme turut menekankan supaya penganut-penganutnya berusaha sedaya upaya demi memastikan pembangunan diri dan alam sekitar tercapai. Bagi mencapai pembangunan tersebut, sikap benar, jujur dan realistik perlu sentiasa diamalkan di dalam kehidupan.

g. Perhatian yang Benar

Perhatian yang benar adalah merujuk kepada kesedaran yang betul serta sikap yang bersungguh-sungguh di dalam diri seseorang. Dalam konteks ini, penganut-penganut Buddhisme perlu memberi perhatian yang besungguh-sungguh terhadap

perkara-perkara kebaikan termasuklah pemuliharaan alam sekitar. Oleh sebab itu, penganut-penganut Buddhisme perlulah mengulang-ulangkan ingatan terhadap pemuliharaan alam sekitar siang dan malam sehingga tertanam dengan mantap di dalam keperibadian mereka. Bila perkara tersebut telah tertanam dengan mantap, dorongan yang kuat akan timbul ke arah memulihara alam sekitar.

h. Penumpuan yang Benar

Buddhisme juga mendidik penganut-penganutnya supaya sentiasa menumpukan usaha terhadap perkara-perkara kebajikan seperti pemuliharaan alam sekitar serta sentiasa memberi kepekaan yang tinggi terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Penjelasan di atas, jelas menunjukkan bahawa Buddhisme turut menganjurkan penganut-penganutnya bertindak secara harmoni terhadap alam sekitar. Selain daripada menekankan persoalan pandangan alam, Buddhisme juga menumpukan perhatian kepada pembentukan moral individu sebagai teras kepada aktiviti kehidupannya. Panduan-panduan moral yang diajar oleh Buddhisme turut menekankan bentuk tindakan yang sewajarnya di lakukan oleh penganut-penganutnya terhadap persekitaran. Penjelasan di atas menunjukkan bahawa Buddhisme juga mempunyai perspektif yang tersendiri tentang Etika Alam Sekitar sepetimana agama-agama yang lain.

3.3.3 Etika Alam Sekitar Menurut Pandangan Kristian

Berbeza daripada dakwaan Lynn White Jr., para pendukung Kristian mempercayai bahawa krisis alam sekitar masa kini bukanlah disebabkan oleh Doktrin

Judeo-Kristian, sebaliknya berpunca daripada pemisahan sains dan teknologi daripada pengaruh keagamaan. Kristian mempunyai persepsi yang tersendiri tentang pandangan alam, berbeza daripada tuduhan yang dilemparkan Lynn White Jr.. Dalam Genesis, seluruh alam semesta ini termasuklah manusia adalah dicipta oleh Tuhan, iaitu daripada tiada kepada ada.⁴⁷ Seluruh alam semesta ini dikatakan wujud di dalam keadaan yang begitu sempurna, menunjukkan betapa terurnya ciptaan Tuhan. Kenyataan Genesis ini memperlihatkan bahawa wujud hubungan yang harmoni di antara Tuhan (pencipta), manusia dan alam tabii.

Menurut Kristian, Tuhan yang telah menciptakan alam semesta ini tidak membiarkannya terabai begitu sahaja.⁴⁸ Sebaliknya semua yang berlaku di dalam alam semesta ini adalah tertakluk di bawah pengawasan Tuhan. Dengan kebijaksanaan Tuhan seluruh perjalanan alam semesta ini berlaku dengan begitu terancang sehingga wujudnya keharmonian. Menurut Kristian lagi, kehidupan manusia juga adalah tertakluk di bawah pengawasan Tuhan seperti mana komponen-komponen alam yang lain. Namun demikian, terdapat juga di kalangan manusia yang telah tersesat dari landasan kebenaran lalu mencetuskan gangguan terhadap keharmonian perjalanan alam semesta.

Di antara keseluruhan ciptaan Tuhan, manusia adalah merupakan kemuncak kepada penciptaannya.⁴⁹ Manusia dikurniakan keistimewaan yang tersendiri berbanding dengan ciptaan Tuhan yang lain, khususnya keistimewaan yang berkaitan dengan keintelektualan. Keistimewaan manusia itu digambarkan secara simbolik di dalam Genesis sebagai bayangan daripada Tuhan.⁵⁰ Meskipun demikian, keistimewaan yang dikurniakan kepada manusia itu bukanlah bermaksud mereka diberikan keizinan untuk mendominasikan alam sekitar dengan sewenang-wenangnya.⁵¹ Sebaliknya, keistimewaan itu adalah sebagai satu persediaan yang perlu

ke arah memikul tanggungjawab yang besar sebagai pengurus kepada alam sekitar. Konsep tanggungjawab ini lebih dikenali sebagai *stewardship*.

Berdasarkan konsep *stewardship*, manusia adalah merupakan wakil Tuhan yang bertanggungjawab menguruskan seluruh ciptaan Tuhan di atas muka bumi. Manusia bukanlah pemilik alam ini, cuma mereka diberi keizinan oleh Tuhan untuk menggunakanya bagi mendapatkan keperluan hidup mereka. Tanggungjawab yang dibebankan oleh Tuhan ke atas manusia untuk menguruskan bumi, secara langsung menghalang manusia daripada membuat sebarang kerosakan di atasnya. Demi memastikan manusia berjaya melaksanakan tanggungjawab *stewardship* ini, mereka perlulah memahami peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Tuhan berkaitan dengan alam tabii (*natural law*).⁵² Kefahaman terhadap peraturan-peraturan tersebut akan membolehkan manusia menggunakan alam tabii dengan cermat lagi berhati-hati.

Menurut Kristian, sikap bertanggungjawab terhadap alam tabii seperti inilah seharusnya wujud pada manusia sesuai dengan perumpamaan Genesis, mereka adalah bayangan daripada Tuhan. Kristian juga mengajar penganut-penganutnya supaya menyedari bahawa Tuhan begitu menyayangi seluruh ciptaannya.⁵³ Menyedari hakikat itu, manusia yang merupakan bayangan daripada Tuhan mestilah mempunyai perasaan sedemikian terhadap seluruh alam semesta. Sikap bertanggungjawab ditambah pula dengan perasaan kasih sayang terhadap seluruh ciptaan Tuhan, akan mendorong manusia bertindak secara harmoni terhadap alam sekitar serta menghindarkan sebarang bentuk tindakan yang menyebabkan kerosakan.

Di antara tanggungjawab manusia yang penting menurut doktrin Kristian ialah memulihara sumber alam semulajadi serta melindungi persekitaran. Berbeza dengan Hinduisme dan Buddhisme, Kristian melihat bahawa wujud pemisahan di antara Tuhan dan alam tabii. Alam tabii ini dilihat tidak mempunyai sifat kudus (ketuhanan)

sepertimana kepercayaan kumpulan *naturalist*.⁵⁴ Kristian juga mempercayai bahawa tidak wujud hubungan secara langsung di antara Tuhan dan alam tabii, malah situasi ini tidak mungkin berlaku. Namun demikian, sekiranya tidak wujud hubungan di antara Tuhan dan alam tabii, pastilah alam tabii ini akan menuju kemusnahan.

Demi mewujudkan hubungan di antara Tuhan dan alam tabii, peranan manusia adalah begitu penting. Sepertimana yang telah dimaklumkan sebelum ini, Kristian melihat manusia sebagai bayangan daripada Tuhan. Pada ketika yang sama, manusia juga merupakan satu-satunya ciptaan Tuhan yang mempunyai potensi mendominasikan alam tabii untuk mendapatkan keperluan hidup mereka. Dengan kedua-dua sifat tersebut, manusia dapat berperanan mengangkat martabat alam tabii untuk dihubungkan dengan Tuhan. Di sinilah letaknya peranan manusia sebagai perantara di antara alam tabii dan Tuhan, seterusnya dapat mengelakkan alam tabii daripada menuju kemusnahan.⁵⁵ Dengan terjalannya hubungan di antara alam tabii dan Tuhan, secara tidak langsung manusia mestilah menghormati alam tabii bahkan tidak boleh memperlakukan sewenang-wenang terhadapnya.⁵⁶

Berdasarkan kepada penjelasan-penjelasan di atas, jelas menunjukkan bahawa Kristian juga mempunyai perspektif yang tersendiri tentang Etika Alam Sekitar. Pendirian ini telahpun diketengahkan oleh tokoh-tokoh Kristian ketika menyanggah dakwaan Lynn White Jr. di dalam artikelnya, '*The Historical Roots of Our Ecological Crisis*'. Oleh kerana itu, penganut-penganut Krisitian mesti bertindak secara harmoni terhadap alam sekitar sesuai dengan pengajaran yang terdapat dalam agama mereka.

3.4 ETIKA ALAM SEKITAR MENURUT PANDANGAN ISLAM

Konsep agama atau *al-deen* (istilah yang digunakan oleh Al-Quran) menurut Islam mencakupi semua bidang kehidupan. Islam bukan sekadar mengatur hubungan

manusia dengan tuhan melalui upacara ritual tetapi merupakan *manhaj al-hayah* (sistem kehidupan) yang lengkap. Sebagai sebuah sistem kehidupan yang lengkap, Islam telah mengatur hubungan sesama manusia serta hubungan manusia dengan alam sekitar, selain daripada mengatur hubungan manusia dengan penciptanya. Sistem kehidupan Islam seperti yang termaktub di dalam Al-Quran adalah mencakupi semua aspek kehidupan manusia. Secara umumnya, sistem kehidupan tersebut boleh dikatogerikan kepada:⁵⁷

a. Akidah

Aspek akidah ialah fasal yang membicarakan tentang kepercayaan terhadap Allah sebagai pencipta alam yang bersifat dengan segala sifat kesempurnaan, serta kepercayaan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Kepercayaan terhadap Allah ini merupakan teras kepada ajaran Islam serta menjadi dasar kepada seluruh tindakan manusia di dalam kehidupan mereka. Akidah juga merupakan keterangan asas kepada persoalan kosmologi yang bersumberkan Al-Quran (wahyu).⁵⁸ Di dalam erti kata yang lain akidah membentuk satu pandangan alam yang sahih di dalam diri seseorang manusia.

b. Syariah

Syariah adalah fasal yang berkaitan dengan hukum-hukum sama ada terhadap tindakan individu, kehidupan keluarga, perhubungan masyarakat serta pemerintahan negara. Hukum-hukum Islam meliputi persoalan yang berkaitan dengan peraturan ibadat, peraturan perkahwinan, peraturan pemilikan harta, undang-undang jenayah, undang-undang mahkamah dan perbicaraan, dasar perekonomian, perlembagaan negara, undang-undang antarabangsa dan lain-lain. Oleh kerana itu, menurut ajaran

Islam syariah memainkan peranan yang besar di dalam mengatur kehidupan manusia demi mencapai kehidupan yang harmoni.

c. Akhlak

Akhlik ialah fasal yang membicarakan tentang perilaku dan tatacara hubungan manusia terhadap Allah, hubungan manusia sesama manusia serta hubungan manusia dengan alam sekitar mereka. Persoalan akhlak meliputi aspek penentuan kelakuan-kelakuan yang baik dan buruk, pembentukan keperibadian yang mulia, motivasi supaya melakukan kebaikan serta keterangan tentang pembalasan terhadap kebaikan dan keburukan yang dilakukan.

Di dalam konteks pemuliharaan alam sekitar pendekatan Islam adalah merupakan satu pendekatan yang bersepadu, iaitu *kamil* dan *mutakamil*. Kenyataan ini bermaksud, pendekatan Islam meliputi semua pendekatan yang berkaitan dengan aspek akidah, syariah serta akhlak. Akidah memainkan peranan terhadap pembinaan pandangan alam yang sahih lagi sesuai dengan keharmonian alam sekitar. Syariah pula, berperanan sebagai kawalan terhadap tindakan-tindakan yang mencemarkan alam sekitar melalui justifikasi perundangan. Manakala akhlak berperanan untuk membentuk personaliti yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar, sama ada semasa berada di hadapan umum atau bersendirian.

3.4.1 Peranan Akidah dalam Pemuliharaan Alam Sekitar

Teras kepada akidah Islam ialah prinsip Tauhid, iaitu meyakini tentang keesaan Allah. Prinsip Tauhid menegaskan bahawa Tuhan tidak mempunyai sekutu-sekutu pada zat dan sifatnya, bahkan tidak ada sesuatupun yang menyamai pada

perbuatannya.⁵⁹ Sesungguhnya, keseluruhan ajaran Islam adalah ditegakkan di atas prinsip Tauhid ini. Menurut prinsip Tauhid, Allah bukan sahaja menciptakan seluruh alam semesta tetapi turut mengaturkan perjalanan serta memusnahkannya apabila sampai masa yang dijanjikan. Oleh sebab itu, seluruh yang wujud di dalam alam semesta ini adalah kepunyaan Allah secara mutlak.⁶⁰ Sekiranya terdapat di kalangan makhluk termasuklah manusia berlagak seperti Allah (sebagai Tuhan), pastilah berlaku kerosakan ke atas alam semesta.⁶¹

Prinsip Tauhid juga menekankan kepercayaan terhadap sifat-sifat Allah yang maha sempurna serta nama-namanya Yang Maha Terpuji. Seluruh yang berlaku di dalam alam semesta ini tidak terlepas daripada pengawasan Allah yang memiliki segala sifat kesempurnaan. Penganut-penganut Islam telah ditanam dengan keyakinan bahawa Allah Maha Berkuasa untuk memberi pembalasan baik dan pembalasan buruk terhadap seluruh perlakuan makhluk khususnya manusia di atas muka bumi ini. Menyedari hakikat tersebut, manusia mestilah berhati-hati di dalam melakukan tindakan semasa menjalani kehidupan di dunia, kerana semua tindakannya pasti diketahui oleh Allah serta dibalas dengan balasan yang setimpal.

Menurut Islam, penciptaan alam semesta ini bukanlah untuk perkara yang sia-sia, sebaliknya mempunyai beberapa tujuan yang tertentu. Di dalam Al-Quran telah diterangkan tentang beberapa tujuan mengapakah alam semesta diciptakan:

- a. Penciptaan alam semesta ini adalah sebagai bukti tentang kewujudan Allah.⁶² Kewujudan Allah dapat dibuktikan melalui penjelasan Al-Quran yang merupakan bukti-bukti yang boleh dibaca (*ayat al-maqrubah*), serta kejadian alam semesta yang merupakan bukti-bukti yang dapat dilihat (*ayat al-manzurah*). Menurut aqidah Islam,

kewujudan Allah adalah kewujudan yang mutlak, manakala kewujudan alam semesta pula adalah tertakluk kepada kehendak Allah.

b. Penciptaan alam semesta adalah sebagai sumber perantaraan kepada manusia untuk memperolehi ilmu daripada Allah.⁶³ Berhubung dengan perkara ini, Osman Bakar telah menerangkan sebagaimana berikut:⁶⁴

Nature is a source of many types of knowledge: mathematical, physical and metaphysical, scientific and spiritual, qualitative and quantitative, practical and aesthetical.

Kejadian alam semesta adalah ibarat ‘makmal terbuka’ untuk diselidiki dan difikirkan oleh manusia, sesuai dengan peranannya sebagai makhluk yang telah diamanahkan untuk memakmurkan alam.⁶⁵ Pengetahuan yang dikurniakan oleh Allah tentang alam semesta ini telah mengangkat martabat manusia lebih tinggi daripada makhluk-makhluk yang lain.⁶⁶

c. Penciptaan alam semesta ini adalah satu kurniaan kepada manusia untuk dipergunakan bagi memperolehi keperluan hidup mereka.⁶⁷ Bagaimanapun, manusia mesti menyedari bahawa alam semesta ini adalah milik Allah, justeru mereka tidak dibenarkan sama sekali memusnahkannya.

d. Penciptaan alam semesta juga adalah untuk memudahkan manusia melakukan pengabdian kepada Allah. Sebagai contoh, Allah menurunkan air supaya dapat digunakan oleh manusia untuk bersuci dalam proses melakukan ibadat kepadanya.⁶⁸ Di samping memberi kemudahan kepada manusia untuk beribadat, seluruh alam semesta sendiri turut beribadat dengan berzikir memuji Allah.⁶⁹

e. Penciptaan alam semesta adalah untuk menilai siapakah di kalangan manusia yang paling baik amalannya.⁷⁰ Hakikatnya, kewujudan alam semesta ini adalah satu ruang kepada manusia untuk melakukan amal kebaikan sesama makhluk.

Perjalanan alam semesta ini adalah menurut peraturan yang telah ditentukan oleh penciptanya (Allah).⁷¹ Peraturan alam semesta ini disebut sebagai *sunnatullah*.⁷² Seluruh alam semesta kecuali manusia tiada mempunyai pilihan selain tunduk kepada peraturan yang telah ditetapkan.⁷³ Bagi manusia pula, mereka telah diberi pilihan untuk tunduk atau engkar terhadap peraturan yang ditetapkan oleh Allah. Sekiranya manusia tunduk kepada peraturan Allah, mereka pasti akan menjalani kehidupan yang harmoni bersama alam semesta yang lain dan demikianlah pula sebaliknya. Bagi memastikan manusia membuat pilihan yang tepat, Allah telah mengurniakan manusia hikmah (kebijaksanaan) malah mengutuskan para Rasul untuk membawa petunjuk.

Berbeza dengan pandangan kumpulan *naturalist*, Islam melihat alam semesta ini tidak mempunyai sifat-sifat ketuhanan. Meskipun demikian, alam semesta ini mempunyai sifat-sifat yang tertentu iaitu:⁷⁴

a. *Mizan* (seimbang)

Keseluruhan yang wujud dalam alam semesta ini sama ada yang diketahui ataupun tidak diketahui wujud secara berpasangan, iaitu mempunyai dua entiti atau polariti yang saling bertentangan sifatnya.⁷⁵ Kewujudan pasangan-pasangan ini pula adalah dalam keadaan yang saling lengkap-melengkapi di antara satu sama lain. Sifat kesimetrian (*mizan*) yang wujud di antara pasangan-pasangan ini adalah penting bagi menyempurnakan peredaran sistem alam semesta. Jadi, manusia mestilah memahami

bahawa komponen-komponen alam semesta ini bukanlah berfungsi secara bersendirian atau terpisah.

b. *Tawazun* (keseimbangan)

Kesimetrian yang wujud di dalam alam semesta akan membentuk *tawazun* (keseimbangan), iaitu sesuatu fenomena yang tidak melampau.⁷⁶ Keseimbangan yang wujud menyebabkan seluruh alam semesta berada dalam keadaan yang harmoni. Keadaan ini terus berkekalan sehingga tercetusnya gangguan yang selalunya dilakukan oleh manusia. Peraturan-peraturan yang telah ditentukan oleh Allah adalah untuk menghalang tercetusnya gangguan terhadap keseimbangan alam semesta.

c. *Nasim* (segar)

Seluruh alam semesta ini juga mempunyai sifat *nasim* (segar) sebagai lambang rahmat Allah kepada kehidupan. Di dalam Al-Quran terdapat beberapa ayat yang menyatakan bagaimana Allah melimpahkan rahmatnya kepada kehidupan melalui tiupan angin dan penurunan hujan.⁷⁷ Sifat kesegaran itu turut digambarkan oleh Al-Quran melalui penjelasan tentang kesuburan tumbuh-tumbuhan yang mempunyai kepelbagaijenis dan sifat.⁷⁸ Lebih daripada itu, Al-Quran juga turut menampilkan suasana kehijauan yang merupakan simbol kesegaran kepada para pencinta alam sekitar masa kini.⁷⁹ Berkaitan dengan sifat *nasim*, alam semesta ini juga mempunyai sifat *soleh* (baik) dan *hasan* (elok).⁸⁰

d. *Jamal* (indah)

Allah juga telah menciptakan seluruh alam semesta ini mempunyai sifat *jamal* (indah). Di dalam Al-Quran disebutkan bahawa kejadian tumbuh-tumbuhan serta

haiwan-haiwan mewujudkan pemandangan yang indah kepada manusia⁸¹ Keindahan kejadian alam semesta ini juga merupakan *zinah* (perhiasan) yang menimbulkan ketenangan kepada manusia. Sifat keindahan mempunyai hubungan yang rapat dengan kejadian alam semesta yang penuh dengan kerapian (*qadar'an maqdura*).⁸²

Semua sifat-sifat alam semesta yang dikemukakan adalah lambang kepada kebijaksanaan Allah yang telah menciptakannya. Bagaimanapun alam semesta ini terbuka (*taskhir*) untuk menerima sebarang perubahan yang dilakukan oleh manusia.⁸³ Potensi yang dikurniakan oleh Allah kepada manusia itu bukanlah untuk manusia bertindak sewenang-wenangnya sebaliknya merupakan kelengkapan untuk mereka memikul tanggungjawab di dalam kehidupan. Bagi memahami peranan manusia terhadap alam sekitar, Sayyed Hossien Nasr telah menggariskan tiga tanggungjawab dalam kehidupan manusia iaitu tanggungjawab *u'budiyyah*, *khalifah* dan amanah.⁸⁴

a. Tanggungjawab *U'budiyyah*

Manusia diciptakan oleh Allah untuk melakukan pengabdian terhadapnya.⁸⁵ Pengabdian yang dimaksudkan ialah dengan menuruti segala perintahnya dan meninggalkan segala larangannya. Oleh sebab itu, mereka tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya terhadap alam sekitar melainkan menuruti peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh penciptanya (Allah).

b. Tanggungjawab *Khalifah*

Manusia juga telah diberikan peranan sebagai *khalifah* di atas muka bumi yang bertanggungjawab untuk memakmur dan menguruskannya.⁸⁶ Mereka bukanlah penguasa (pemilik) muka bumi sehingga boleh membuat sebarang tindakan mengikut

kehendak sendiri. Manusia juga ditegah dengan sekeras-kerasnya oleh Allah daripada melakukan sebarang kerosakan terhadap alam sekitar.

c. Tanggungjawab *Amanah*

Sungguhpun alam semesta ini adalah milik mutlak Allah, manusia telah diberi keizinan untuk menggunakan baginya bagi memperolehi keperluan hidup. Manusia boleh menggunakan semua yang ada di bumi ini menurut peraturan-peraturan yang telah dikemukakan di dalam Al-Quran dan *al-Sunnah*. Oleh sebab itu, alam sekitar adalah satu amanah daripada Allah supaya dipergunakan menurut landasan yang telah ditentukan.⁸⁷

Berdasarkan penjelasan-penjelasan di atas, dapat diperhatikan bahawa akidah mempunyai peranan yang penting ke arah membina pandangan alam yang harmoni terhadap alam sekitar. Pandangan alam seperti yang dikemukakan oleh Islam begitu menitikberatkan hubungan tiga penjuru, iaitu di antara Tuhan, manusia dan alam tabii. Disebabkan pandangan alam ini berkaitan dengan persoalan akidah, maka ia sudah pasti tersemat kukuh di dalam kepercayaan seseorang muslim. Pandangan alam yang harmoni pada diri seseorang muslim sudah pasti mendorongnya bertindak secara berhemah terhadap alam sekitar.

Selain daripada itu, akidah juga memainkan peranan yang penting bagi memupuk falsafah hidup seseorang muslim. Penganut-penganut Islam ditanam dengan kepercayaan bahawa penciptaan alam semesta bukanlah tanpa matlamat tertentu. Penganut-penganut Islam juga diyakinkan bahawa kewujudan mereka sendiri mempunyai matlamat, iaitu untuk menyempurnakan tanggungjawab *u'budiyyah*, *khilafah* dan *amanah*. Mereka mestilah menyempurnakan tanggungjawab-

tanggungjawab tersebut, yang juga termasuk di dalamnya tanggungjawab memulihara alam sekitar.

3.4.2 Peranan Syariah dalam Pemuliharaan Alam Sekitar

Syariah adalah merujuk kepada hukum-hukum atau peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Allah ke atas manusia seperti yang terkandung di dalam Al-Quran dan *al-Sunnah*.⁸⁸ Penurunan syariah ke atas manusia mempunyai tiga matlamat umum (*maqashid al-tasyri'iyyah*) iaitu:⁸⁹

- a. Syariah bertujuan untuk memelihara urusan-urusan yang berkaitan dengan keperluan hidup manusia (*al-umur al-dharuriyah*). Memelihara urusan-urusan ini amatlah penting kerana ia merupakan sendi kehidupan manusia. Sekiranya urusan-urusan ini diabaikan kehidupan manusia akan menuju kemasuhan. Perkara yang termasuk di dalam *al-umur al-dharuriyah* ialah agama, nyawa, akal, maruah (keturunan) dan harta. Kelima-lima perkara ini sebenarnya bersifat umum yang memerlukan kepada tafsiran yang lebih luas menurut kesesuaian masa dan tempat. Sebagai contoh, harta boleh dikaitkan dengan sumber alam sekitar kerana ia merupakan perkara yang begitu berharga kepada manusia. Malah seluruh harta yang dimiliki oleh manusia sebenarnya berasal daripada sumber alam sekitar.

- b. Syariah bertujuan untuk memenuhi urusan-urusan yang berkaitan dengan kelengkapan hidup manusia (*al-umur al-Hajiyah*). Memperolehi kelengkapan hidup adalah sesuatu yang begitu dihajati oleh manusia. Sekiranya kelengkapan ini tidak dipenuhi, kehidupan seseorang akan berhadapan dengan kesulitan.

c. Syariah bertujuan untuk mencapai urusan-urusan yang berkaitan dengan kemudahan hidup manusia (*al-umur al-tahsinyah*). Kemudahan hidup adalah merujuk kepada perkara yang memperlokkan lagi kehidupan seseorang. Sekiranya seseorang dapat memperolehi kemudahan tersebut kehidupannya akan lebih selesa. Bagaimanapun, kehidupan seseorang tidak pula terjejas sekiranya kemudahan itu tidak dipenuhi.

Berdasarkan kepada *maqashid al-tasyri'iyah* ini, dapat diperlihatkan betapa persoalan memulihara alam sekitar mendapat perhatian penting di dalam syariah. Peranan syariah di dalam memulihara alam sekitar boleh dilihat bermula daripada peringkat pembentukan sesuatu hukum. Sumber kepada pembentukan hukum ialah Al-Quran, *al-Sunnah*, *al-ijma* dan *al-Qiyas*. Perhatian Al-Quran terhadap pemuliharaan alam sekitar sememangnya tidak boleh dipertikaikan. Di dalam Al-Quran terdapat hampir 500 ayat yang menyentuh persoalan alam sekitar dan tanggungjawab menguruskannya.⁹⁰ Demikian juga di dalam *al-Sunnah*, terdapat banyak petunjuk yang menekankan kepentingan memulihara alam sekitar seperti perintah supaya menjaga kebersihan, galakan menanam tumbuh-tumbuhan dan lain-lain.

Selain daripada empat sumber tersebut, Syariah juga menerima *mashalih al-mursalah* sebagai sumber hukum. *Mashalih al-mursalah* merujuk kepada kemaslahatan (kepentingan) yang belum ditetapkan hukumnya serta tidak terdapat keterangan langsung daripada sumber syarak (Al-Quran, *al-Sunnah*, *al-Ijma* dan *al-Qiyas*) yang berhubung dengannya.⁹¹ Kenyataan menunjukkan bahawa syariah begitu memberi perhatian terhadap kepentingan umum (masyarakat) dengan meletakkannya sebagai sumber hukum. Sekiranya terdapat masalah yang belum pernah ditetapkan

hukumnya oleh sumber syarak, *mashalih al-mursalah* boleh dijadikan sebagai sumber hukum. Pada masa kini, masih terdapat perkara-perkara yang belum mempunyai ketetapan hukum di dalam syariah termasuklah beberapa perkara yang berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar. Oleh kerana itu, untuk menetapkan hukum ke atas perkara-perkara seperti ini, kepentingan umum perlulah diberi keutamaan.⁹²

Di dalam memutuskan sesuatu perkara yang masih belum terdapat ketetapan hukum, para ulamak telah mengemukakan lima kaedah dasar (*qawa'id al-khams*).⁹³ Di antara kaedah-kaedah itu, terdapat satu kaedah yang mempunyai kaitan langsung dengan pemuliharaan alam sekitar. Kaedah tersebut ialah *al-dharar yuzal* (menghindarkan segala kerosakan). Kehendak kaedah ini amat bertepatan dengan tuntutan Al-Quran yang melarang manusia daripada melakukan kerosakan di atas muka bumi.⁹⁴ Menurut kaedah fikah (*qawa'id al-fiqhiyah*), sekiranya bertembung di antara menghindarkan kerosakan dan mendapatkan kemaslahatan, maka menghindarkan kerosakan perlu diberi keutamaan. Di sini dapat dilihat betapa syariah begitu mengambil berat persoalan menghindarkan kerosakan termasuklah yang berkaitan dengan alam sekitar.

Demi memastikan tidak berlakunya kerosakan, syariah telah mengatogerikan tindakan manusia berdasarkan konsep halal dan haram. Halal adalah bermaksud sesuatu yang baik serta memberi faedah, manakala haram pula adalah sesuatu yang buruk serta menimbulkan mudarat.⁹⁵ Berdasarkan konsep halal dan haram ini, seseorang mestilah memastikan seluruh tindakannya menepati perkara-perkara yang halal serta menghindari perkara-perkara yang haram. Seseorang yang melakukan sebaliknya boleh dikenakan hukuman oleh pemerintah, malah pasti mendapat pembalasan yang setimpal daripada Allah di hari akhirat. Melakukan kerosakan ke atas alam sekitar adalah termasuk di dalam perkara yang haram di sisi syariah. Oleh

kerana itu, seseorang muslim mestilah memelihara dirinya daripada melakukan tindakan tersebut supaya terselamat daripada hukuman di dunia dan pembalasan di akhirat kelak.

Berdasarkan kepada penjelasan-penjelasan sebelum ini, dapat diperhatikan betapa besarnya peranan syariah terhadap pemuliharaan alam sekitar. Bagi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang perkara ini, dikemukakan empat contoh hukum yang terdapat di dalam syariah iaitu:

a. Hukum Tentang Kesucian Air

Syariah begitu memberi perhatian terhadap kesucian air sebagai alat yang paling utama untuk bersuci. Seseorang yang ingin melakukan ibadat khususnya sembahyang, mestilah terlebih dahulu menyucikan dirinya. Menurut syariah, sumber air bersih untuk menyucikan diri ialah yang turun daripada langit atau yang keluar daripada bumi dalam keadaan masih belum berubah sifatnya.⁹⁶ Sumber air yang bersih ini perlu dijaga supaya tidak tercemar. Larangan melakukan pencemaran air telah disebutkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari bermaksud:⁹⁷

Dari Abu Hurairah r.a., Nabi Muhammad s.a.w. telah melarang buang air kecil di dalam air tenang (tidak mengalir), lalu kamu mandi pula di situ.

Pengajaran umum daripada hadis ini ialah melarang setiap manusia membuang sekotoran di dalam air yang pastinya akan tercemar disebabkan sekotoran itu.

b. Hukum Tentang Bumi Sebagai Masjid

Menurut syariah, seseorang muslim boleh mendirikan sembahyang di mana ahaja mereka berada di atas muka bumi. Hakikat ini menunjukkan bahawa semua

tempat di atas muka bumi ini adalah dipandang suci sehingga dibenarkan bersembahyang di atasnya. Nabi Muhammad s.a.w. juga pernah mengumpamakan seluruh permukaan bumi sebagai masjid.⁹⁸ Berdasarkan perumpamaan ini, seluruh permukaan bumi adalah tempat sujud kepada Allah, maka perlulah dipelihara kebersihannya. Menjaga kebersihan masjid sangat dituntut oleh syariah sehingga seseorang yang mulutnya berbau busuk tidak dibenarkan memasuki masjid.⁹⁹ Larangan ini dikenakan kerana mulut yang berbau busuk boleh mengganggu ketenangan beribadat. Demikian pula terhadap permukaan bumi yang digambarkan sebagai masjid, tindakan yang mengakibatkan pencemaran sehingga mengganggu ketenteraman persekitaran juga adalah dilarang.

c. Hukum Tentang *Hima*

Hima adalah merujuk kepada kawasan yang diisyiharkan oleh pemerintah Islam sebagai larangan (tidak boleh diterokai), supaya kawasan itu kekal menjadi kawasan hutan dan perlindungan haiwan.¹⁰⁰ Kawasan larangan seperti ini telah diwujudkan semenjak zaman Nabi Muhammad s.a.w. lagi, yang kemudiannya telah dituruti oleh pemerintah-pemerintah Islam yang seterusnya. *Hima* tidak boleh dimiliki oleh sesiapa, sebaliknya adalah untuk kepentingan seluruh masyarakat. Pada hari ini hukum yang berkaitan dengan *hima* telah memberi sumbangan yang begitu penting khususnya dari segi konsepnya, ke arah mewujudkan kawasan hutan simpan dan taman negara.

d. Hukum Tentang *Hisbah*

Pengertian hisbah adalah menggesa kepada perkara *maaruf* dan menegah daripada perkara *munkar*.¹⁰¹ Perkataan *maaruf* telah disebut sebanyak 39 kali di dalam

Al-Quran yang bermaksud sesuatu tindakan yang memelihara kebaikan sama ada bagi individu ataupun masyarakat.¹⁰² Perkataan *munkar* pula bermaksud sebaliknya, iaitu sesuatu tindakan yang menyakitkan atau merosakkan individu dan masyarakat.¹⁰³ Tanggungjawab *hisbah* ini sebenarnya diwajibkan ke atas setiap orang Islam. Bagaimanapun, demi memastikan tanggungjawab ini terlaksana, pemerintah perlulah menujuhkan satu badan khusus yang berkaitan dengan tanggungjawab *hisbah*. Pembentukan badan *hisbah* telah dilakukan oleh pemerintah Islam semenjak kurun kelapan lagi. Berdasarkan kepada sejarah, memulihara alam sekitar turut termasuk di dalam bidang kuasa *muhtasib* (penguatkuasa *hisbah*) yang dilantik sama ada secara sukarela ataupun bergaji.¹⁰⁴

Empat contoh di atas, hanyalah sebahagian kecil daripada hukum-hukum syariah yang menyentuh secara langsung tentang pemuliharaan alam sekitar. Daripada contoh-contoh tersebut dapat dilihat bahawa syariah turut memainkan peranan yang besar di dalam memastikan seseorang muslim bertanggungjawab terhadap persekitarannya. Jika akidah berperanan membentuk pandangan alam dan falsafah kehidupan yang harmoni di dalam diri seseorang, maka syariah pula adalah peraturan-peraturan yang dikuatkuaskan untuk memastikan tindakan seseorang bersesuaian dengan pandangan alam dan falsafah kehidupan yang telah dibentuk.

3.4.3 Peranan Akhlak dalam Pemuliharaan Alam Sekitar

Pengertian akhlak ialah kebiasaan yang terdapat pada diri seseorang sehingga menghasilkan kelakuan-kelakuan spontan yang tidak perlu didahulukan dengan berfikir.¹⁰⁵ Kelakuan-kelakuan yang dimaksudkan bukanlah kelakuan yang dibuat-buat, tetapi tercetus disebabkan oleh dorongan dalaman yang merupakan kebiasaan

bagi seseorang. Menurut Islam, kelakuan yang baik adalah dicetuskan oleh keimanan yang mendalam serta pendidikan yang berterusan. Peranan akhlak adalah untuk mengatur hubungan yang terpuji, bukan sahaja terhadap Tuhan tetapi juga terhadap sesama manusia dan alam sekitar. Seseorang muslim mestilah melatih dirinya untuk membentuk segala sifat yang terpuji serta menghapuskan segala sifat yang tercela di dalam hati, perkataan dan perbuatannya.

Peranan akhlak di dalam pemuliharaan alam sekitar adalah begitu penting. Melalui akhlak, keperibadian seseorang muslim dibina dengan sifat-sifat yang terpuji agar bertindak secara harmoni terhadap alam sekitar. Di sini dikemukakan empat contoh sifat terpuji di dalam Islam, yang menyentuh tentang pemuliharaan alam sekitar:

a. *Qana'ah*

Qanaah adalah sikap meredai terhadap segala kurniaan yang diperolehi daripada Allah untuk keperluan hidup.¹⁰⁶ Mereka yang mempunyai sifat ini terhindar daripada ketamakan serta sentiasa bersyukur terhadap rezeki yang diperolehi. Selain daripada itu, sifat *qanaah* juga menghalang seseorang daripada melakukan pembaziran sesuai dengan tuntutan Al-Quran yang melarang manusia daripada membazir.¹⁰⁷ Dalam konteks pemuliharaan alam sekitar, sifat ini begitu penting bagi memastikan setiap manusia tidak mengeksplotasikan sumber alam secara berlebih-biham. Seseorang yang mempunyai sifat *qanaah* akan menggunakan sumber alam ekadar untuk keperluan hidupnya sahaja dan akan sentiasa menghargai segala nikmat yang diperolehi.

b. *Mahabbah*

Mahabbah ialah sikap mengasihi manusia serta makhluk-makhluk yang lain.

Manusia dituntut supaya memupuk perasaan kasih sesama manusia kerana mereka berasal daripada keturunan yang sama. Tuntutan ini adalah berdasarkan kepada ayat Al-Quran yang bermaksud:¹⁰⁸

Wahai manusia, patuhlah kepada Tuhanmu yang menjadikan kamu daripada satu diri (Adam), kemudian dijadikan isteri daripadanya lalu dikembangkan zuriat mereka dengan banyak. Dan patuhlah kamu kepada Allah yang dengan namanya kamu memerlukan di antara satu sama lain serta menjaga perhubungan keturunan. Sesungguhnya Allah itu adalah pengawas kamu semua.

Di samping itu, manusia juga dituntut supaya mengasihi komponen alam tabii yang lain kerana semuanya itu lambang kebesaran Allah dan rahmat daripadanya. Manusia juga perlu menyedari bahawa setiap komponen alam tabii sentiasa berzikir memuji Allah.¹⁰⁹ Oleh sebab itu, berdasarkan sifat *mahabbah* ini manusia dilarang sama sekali bertindak dengan kejam terhadap alam sekitar.

c. *Ihsan*

Ihsan merujuk kepada sikap manusia yang sentiasa berhati-hati di dalam melakukan tindakan kerana merasai Allah sentiasa mengawasinya.¹¹⁰ Manusia mesti menyedari bahawa sebarang tindakan mereka sama ada yang terang atau tersembunyi sentiasa diawasi oleh Allah, dan dia pasti memberikan balasan yang setimpal. Jadi, seseorang yang mempunyai sifat ini sudah tentu akan sentiasa melakukan tindakan yang baik serta menghindarkan diri daripada tindakan yang buruk. Di dalam konteks emuliharaan alam sekitar, sifat seperti ini amat diperlukan bagi memastikan setiap

manusia tidak melakukan kerosakan alam sekitar walaupun tindakan yang dilakukannya tidak diketahui oleh orang lain.

d. *Ta'awun*

Ta'awun adalah sikap bertolong-menolong di kalangan anggota masyarakat untuk memperolehi kebaikan serta menghindarkan keburukan. Sifat ini adalah dituntut oleh Al-Quran seperti yang dimaksudkan oleh ayat berikut:¹¹¹

Bertolong-tolonglah kamu di atas perkara takwa dan kebaikan dan janganlah kamu bertolong-tolong di atas perkara dosa dan keburukan.

Sifat ini mengajar seseorang supaya sentiasa merasa bertanggungjawab terhadap masyarakat serta tidak mementingkan diri sendiri. Sebagai contoh, Islam melihat bahawa tindakan seseorang membuang duri di jalan adalah satu cabang keimanan yang pasti mendapat ganjaran pahala yang besar di sisi Allah. Oleh sebab itu, sifat *ta'awun* ini begitu sesuai direalisasikan ke arah membentuk sebuah masyarakat mampan (*sustainable society*). Masyarakat yang sentiasa tolong-menolong sudah pasti dapat menjamin keharmonian alam sekitar.

Berdasarkan kepada penjelasan tentang empat contoh di atas, dapat diperlihatkan bagaimana peranan yang dapat dimainkan oleh akhlak di dalam pemuliharaan alam sekitar. Dengan akhlak, diri seseorang akan sentiasa menghargai alam sekitar kerana ia adalah merupakan tuntutan sifat-sifat yang terpuji. Sikap menghargai alam sekitar ini akan terus diamalkan oleh seseorang yang berakhlik, meskipun dirinya berada di luar perhatian orang lain.

3.5 KESIMPULAN

Di dalam bab ini, telah diterangkan bahawa krisis alam sekitar yang dihadapi manusia pada hari ini bukanlah disebabkan oleh pengaruh keagamaan. Punca yang jelas menyebabkan krisis alam sekitar ialah sifat Sains Moden yang bebas nilai hasil daripada ianya memencarkan ajaran agama. Sains Moden yang bersifat bebas nilai kemudiannya melahirkan pula teknologi yang mempunyai sifat yang sama. Seterusnya, teknologi yang seperti ini dipergunakan oleh manusia yang tidak bermoral untuk kepentingan diri sendiri sehingga mencetuskan kerosakan alam sekitar. Pandangan yang menyalahkan agama sebagai pencetus krisis alam sekitar zaman moden adalah tidak berasas sama sekali.

Sebaliknya, semua agama mempunyai perspektif yang tersendiri tentang pemuliharaan alam sekitar. Membina pandangan alam yang berharmoni dengan alam sekitar adalah sebahagian daripada aspek yang lazimnya dikaitkan dengan ajaran keagamaan. Pembinaan pandangan alam di dalam sesebuah masyarakat berkait rapat dengan kepercayaan masing-masing. Selain daripada itu, ajaran keagamaan juga dapat membentuk cara hidup yang sesuai di samping turut memberi panduan tentang perlakuan-perlakuan yang baik dan perlakuan-perlakuan yang buruk. Menyedari hakikat tersebut, peranan agama di dalam menyelesaikan krisis alam sekitar adalah begitu penting dan tidak seharusnya dipinggirkkan.

Malangnya, tidak ramai di kalangan para pencinta alam sekitar menyedari tentang peranan yang boleh dimainkan oleh agama bagi menghadapi krisis alam sekitar masa kini. Seharusnya difahami bahawa krisis alam sekitar yang sedang dihadapi sebenarnya berakar umbi daripada falsafah hidup yang tidak sesuai. Oleh sebab itu, penyelesaian krisis alam sekitar hari ini bukanlah penyelesaian yang bersifat teknikal semata-mata, tetapi juga memerlukan kepada penyelesaian yang

bersifat falsafah. Di dalam bab ini, telah diperlihatkan secara ringkas beberapa pendekatan falsafah yang dikemukakan oleh beberapa agama seperti Kristian, Buddhisme dan Hinduisme ke arah memulihara alam sekitar.

Selain daripada agama-agama tersebut, Islam juga mempunyai pendekatan yang tersendiri di dalam pemuliharaan alam sekitar. Pendekatan Islam terhadap pemuliharaan alam sekitar boleh dilihat berdasarkan perspektif akidah, syariah dan akhlak. Daripada penjelasan yang telah diberikan, jelas dilihat bahawa akidah memainkan peranan yang begitu penting ke arah membentuk pandangan alam dan falsafah hidup yang harmoni terhadap alam sekitar. Syariah pula dapat berperanan sebagai sumber perundangan alam sekitar yang paling sesuai, manakala akhlak merupakan wasilah terbaik untuk membina manusia yang bertanggungjawab terhadap persekitaran mereka.

Melihat kepada pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh beberapa agama termasuk Islam tentang Etika Alam Sekitar, dapatlah disimpulkan bahawa peranan agama tidak harus diperkecilkan. Sebaliknya, pendekatan yang dikemukakan oleh agama adalah lebih realistik memandangkan sebahagian besar daripada masyarakat dunia masih berpegang pada agama masing-masing. Oleh sebab itu, perubahan harus dilakukan terhadap pendirian yang menganggap agama tidak mampu berbuat apa-apa bagi menyelesaikan krisis alam sekitar hari ini.

¹ Alastair S. Gunn, Syarahan Jemputan Kursus Etika Alam Sekitar (AN 407), Jabatan Geografi Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, 26 September, 1995.

² "Rio Declaration on Environment and Development 1992", dalam Louis P. Pojman (ed.), *Environmental Ethics: Readings in Theory and Application* (Boston: Jones and Bartlett Publishers, 1994), m.s. 501

³ J. M. Boyd, "The Role of Religion in Conservation", *The Environmentalist*, Vol 4, (1984), m.s. 40

⁴ J. Cobb, Ecology, Ethics and Theology, di dalam H. E. Daly dan K. N. Townsend (ed.), *Valuing The Earth: Economics, Ecology and Ethics* (Cambridge: The MIT Press, 1993), m.s. 211

⁵ Azizan Baharuddin, "Science, Values and the Environment: On the Need for a Coherent and Holistic Worldview", dalam Azizan Baharuddin (ed.), *Environment and Development: Ethical and Educational Consideration* (Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, 1995), m.s. 208

⁶ *Ibid*, m.s. 212

⁷ Osman Bakar, "Kata Pengantar", dalam Osman Bakar dan Azizah Hamzah (ed.), *Sains, Teknologi, Kesenian dan Agama* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1992), m.s. 4

⁸ S. R. Sterling, "Culture, Ethics and the Environment - Towards the New Synthesis", *The Environmentalist*, Vol 5, (1985), m.s. 199

⁹ International Union for Conservation of Nature and Natural Resources (IUCN), *World Conservation Strategy* (Gland, 1980)

¹⁰ Di dalam Sains Alam Sekitar terdapat satu bidang pengajian yang berhubungan dengan pengetahuan tradisi tentang alam sekitar di dalam sesbuah masyarakat. Disiplin tersebut dinamakan dengan pelbagai nama iaitu seperti *Traditional Environmental Knowledge*, *Folk Ecology* dan *Ethnoecology*. Di samping itu terdapat juga disiplin yang berkaitan dengan polisi dan perundangan alam sekitar.

¹¹ Azizan Baharuddin, *Science and Belief: Discourse on New Perceptions* (Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, Tanpa Tahun), m.s. 223

¹² Seyyed Hossein Nasr, "Islam dan Sains Modern", dalam Baharuddin Ahmad (ed.), *Falsafah Sains dari Perspektif Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), m.s. 26 - 28

¹³ Wan Fuad Wan Hassan, *Ringkasan Sejarah Sains* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), m.s. 229

¹⁴ *Ibid*, m.s. 229 - 230

¹⁵ *Ibid*, m.s. 259

¹⁶ *Ibid*, m.s. 263

¹⁷ Tuhan dikatakan telah mengarahkan manusia menguasai alam sekitar sebagaimana yang terkandung di dalam Genesis: *God blessed Adam and Eve, saying to them, "Be fruitful and multiply; fill the earth and conquer it. Be master of the fish of the sea, the bird of the heaven and all living animals on earth". (Genesis, 1:28)*

¹⁸ Lynn White Jr., "The Historical Roots of Our Ecological Crisis", dalam Louis P. Pojman (ed.), *Environmental Ethics Readings in Theory and Application* (Boston: Jones and Bartlett Publishers, 1994), m.s. 12

¹⁹ *Ibid*, m.s. 13

²⁰ Di dalam agama Islam, amanah yang dipertanggungjawabkan ke atas manusia untuk menguruskan alam sekitar diterangkan di bawah konsep *khalifah*.

²¹ Robin Attfield, *The Ethics of Environmental Concern*, edisi kedua (London: The University of Georgia Press, 1991), m.s. 34

²² *Ibid*, m.s. 34

²³ White, *Op.cit.*, m.s. 13

²⁴ *Ibid*, m.s. 10 - 11

²⁵ *Ibid*, m.s. 12

²⁶ Di dalam bab dua yang lalu telah diperjelaskan tentang beberapa pandangan alam yang dicetuskan oleh Sains Moden. Keseluruhan pandangan alam ini dilihat mempunyai kecenderungan memencarkan pengaruh keagamaan, bahkan menolak kewujudan Tuhan sebagai pencipta dan pengatur alam tabii.

²⁷ Seyyed Hossien Nasr, "Islam and Environmental Crisis", dalam A. R. Agwan (ed.), *Islam and the Environment* (Kuala Lumpur: Synergy Book International, 1997), m.s. 25 - 26

²⁸ Seyyed Hossien Nasr, *Man and Nature* (London: George Allen and Unwin Ltd., 1968), m.s. 116 - 117

²⁹ O.P Dwivedi, "Satyagraha for Conservation: Awakening the Spirit of Hinduism", dalam J. Ronald Engel dan J. B. Engel (ed.), *Ethics of Environment and Development* (Tucson: University of Arizona Press, 1990), m.s. 204 - 205

³⁰ V. M. Palaniappan, "Spiritual Perspective on the Environment: Hinduisme", *National Seminar on Ethics and Environment*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 5-6 Ogos, 1992, m.s. 3

³¹ O. K. Rahmat, *Dari Adam sampai Muhammad Sebuah Kajian Mengenai Agama-agama* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1984), m.s. 198 - 199

³² R. Ismail Al-Faruqi dan Lois Lamya, *Atlas Budaya Islam*, terj. Mohd Redzuan, Mohd Sidin dan Khairudin (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), m.s. 334

³³ Rahmat, *Op.cit.*, m.s. 169

³⁴ Palaniappan, *Op.cit.*, m.s. 6

³⁵ R. Prime, *Hinduism and Ecology* (London: Cassel Publishers, 1992), m.s. 78 - 79

³⁶ Dwivedi, *Op.cit.*, m.s. 206

³⁷ *Ibid*, m.s. 205

³⁸ *Ibid*, m.s. 205 - 206

³⁹ Prime, *Op.cit.*, m.s. 54

⁴⁰ C. H. Tong, "Spiritual Perspective on The Environment: Buddhism", *National Seminar on Ethics and the Environment*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 4 - 5 Ogos, 1992, m.s. 5

⁴¹ *Ibid*, m.s. 6

⁴² *Ibid*, m.s. 5

⁴³ L. D. Silva, "The Buddhist Attitude Towards Nature", dalam Louis P. Pojman (ed.), *Environmental Ethics Reading in Theory and Application* (Boston: Jones and Bertlett Publishers, 1994), m.s. 194

⁴⁴ *Ibid*, m.s. 194

⁴⁵ S. Batchelor, "The Sand of The Ganges Notes Towards a Buddhist Ecological Philosophy", dalam M. Batchelor dan K. Brown (ed.), *Buddhism and Ecology* (London: Cassell Publishers, 1992), m.s. 38

⁴⁶ Tong, *Op.cit.*, m.s. 10 - 11

⁴⁷ *Genesis*, 1: 1 - 29

⁴⁸ R. Page, "The Bible and the Natural World", dalam E. Breuilly dan M. Palmer, *Christianity and Ecology* (London: Cassell Publishers, 1992), m.s. 21

⁴⁹ C. Y. Ling, *Ethics and Environment from a Different Religious Perspective* (Pulau Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), 1987), m.s. 13 - 14

⁵⁰ *Genesis*, 1: 27, 2: 15

⁵¹ Ling, *Op.cit.*, m.s. 14

⁵² Patrick Dobel, "The Judeo-Christian Stewardship Attitude Toward Nature", dalam Louis P. Pojman (ed.), *Environmental Ethics Reading in Theory and Application* (Boston: Jones and Bartlett Publishers, 1994) m.s. 23

⁵³ Ling, *Op.cit.*, m.s. 14

⁵⁴ Pandangan alam Kristian dikatogerikan di dalam pendapat kumpulan *transcendentalist*, iaitu melihat wujudnya perbezaan di antara Tuhan dan alam tabii. Manakala Hinduisme, Buddhisme, *Paganism* dan lain-lain melihat Tuhan dan alam tabii wujud dalam bentuk kesatuan. Pandangan seperti ini dikatogerikan di dalam kumpulan *naturalist*.

⁵⁵ E. Breuilly, "Preserving God's Creation", dalam E. Breuilly dan M. Palmer (ed.), *Christianity and Ecology* (London: Cassell Publishers, 1992), m.s. 57 - 58

⁵⁶ *Ibid*, m.s. 62

⁵⁷ Mukhtar Yahya dan Fatchurrahman, *Dasar-dasar Pembinaan Hukum Islami* (Bandung: Penerbit al-Maa'rif, 1986), m.s. 35

⁵⁸ Seyyed Hossein Nasr, *An Introduction to Islamic Cosmological Doctrines*, terj. Baharuddin Ahmad (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992) m.s. xxv

⁵⁹ Muhammad Yusof Al-Qaradhawi, *al-Iman wa al-Hayah*, terj. HS Fachriddin (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1985), m.s. 37

⁶⁰ *Al-Quran*, 22 : 64

⁶¹ *Al-Quran*, 21 : 22

⁶² *Al-Quran*, 10 : 31

⁶³ *Al-Quran*, 3 : 191 - 192

⁶⁴ Osman Bakar, *Tawhid and Science* (Kuala Lumpur: Secretariat for Islamic Philosophy and Science, 1991), 63

⁶⁵ Di dalam sebuah Hadis Rasulullah saw telah bersabda yang bermaksud: Berfikirlah kamu tentang kejadian Allah (alam semesta) dan jangan kamu berfikir tentang zat Allah kerana kamu tidak akan mengetahui hakikat sebenarnya. (Riwayat Abu Naim)

⁶⁶ *Al-Quran*, 2 : 30 - 32

⁶⁷ *Al-Quran*, 2 : 29

⁶⁸ *Al-Quran*, 8 : 11

⁶⁹ *Al-Quran*, 59 : 1

⁷⁰ *Al-Quran*, 11 : 7

⁷¹ Di dalam Sains Moden peraturan alam semesta disebut sebagai *natural law* kerana peraturan ini dianggap wujud secara semulajadi. Manakala menurut pandangan Sains Islam, peraturan alam semesta ini ditetapkan oleh penciptanya iaitu Allah.

⁷² Al-Faruqi dan Lamya, *Op.cit.*, 336

⁷³ *Al-Quran*, 3 : 83

⁷⁴ Zaini Ujang, "Islam dan Alam Sekitar", dalam Zaini Ujang (ed.), *Islam dan Alam Sekitar* (Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, 1993), m.s. 25 - 28

⁷⁵ *Al-Quran*, 36 : 36

⁷⁶ *Al-Quran*, 55 : 7 - 9

⁷⁷ *Al-Quran*, 7 : 57, 30: 46 dan 22 : 5

⁷⁸ *Al-Quran*, 20 : 53

⁷⁹ *Al-Quran*, 6 : 99

⁸⁰ *Al-Quran*, 7 : 56, 7 : 85 dan 32 : 7

⁸¹ *Al-Quran*, 16 : 6 dan 22 : 5

⁸² *Al-Quran*, 25 : 2

⁸³ Al-Faruqi dan Lamya, *Op.cit.*, m.s. 337

⁸⁴ Seyyed Hossien Nasr, "Islam and Environmental Crisis", *Op.Cit*, m.s. 21 - 22

⁸⁵ *Al-Quran*, 51 : 56

⁸⁶ *Al-Quran*, 2 : 30

⁸⁷ *Al-Quran*, 33 : 72

⁸⁸ Md. Akhir Yaacub, *Undang-undang Islam dan Kewajipan Melaksanakannya* (Kelantan: Pustaka Reka, 1997), m.s. 28

⁸⁹ Mukhtar Yahya dan Fatchurrahman, *Op.cit.*, m.s. 333

⁹⁰ B. A. Masri Al-Hafiz, "Islam and Ecology", dalam Fazlun M. Khalid (ed.), *Islam and Ecology*, terj. Baharin Ramly dan Aini Majid (Pulau Pinang: Sahabat Alam Malaysia, 1997), m.s. 3

⁹¹ Abd al-Wahhab Khalaf, 'Ilmu Ushul al-Fiqh (Kaherah: Dar al-Fikr al-A'rabi, 1996), m.s. 80

⁹² Terdapat satu kaedah fikah (*qawa'id al-fiqhiyah*) yang berbunyi *tasharuf al-imam 'ala al-ra'iyyat manuth bi al-maslalah* (tindakan pemimpin terhadap rakyat perlu menurut kepentingan umum).

⁹³ Mukhtar Yahya dan Fatchurrahman, *Op.cit.*, m.s. 486 - 487

⁹⁴ *Al-Quran*, 28 : 77

⁹⁵ Azizan Baharuddin, "Alam Sekitar dalam Konteks Sains dan Islam", *Seminar Fiqh dan Pendekatan Kontemporari II*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 17 - 18 September, 1996, m.s. 13

⁹⁶ Abd al-Rahman Al-Jaziri, *al-Fiqh 'ala al-Mazahib al-Arba'ah*, terj. Khatibul Umam dan Abu Hurairah, Jilid 1 (Jakarta: Darul Ulum Pres, 1992), m.s. 62

⁹⁷ Abu Abdullah Muhammad Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, terj. Zainuddin Hamidy, et.al., Jilid 1 (Selangor: Klang Book Centre, 1990), m.s. 99

⁹⁸ Sayid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, terj. Mahyuddin Syaf, Jilid 2 (Kuala Lumpur: Victory Agency, 1990), m.s. 140

⁹⁹ Dari Abdullah bin Umar r.a., Nabi Muhammad s.a.w telah bersabda yang bermaksud: Sesiapa yang memakan bawang (menyebabkan mulut berbau busuk), maka janganlah dia menghampiri masjid ini. (Riwayat al-Bukhari)

¹⁰⁰ Abu al-Hassan Ali Al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah*, terj. Uthman Khalid (Kuala Lumpur: Institut Pengajian Tradisional Islam, 1993), m.s. 307

¹⁰¹ *Ibid*, m.s. 387

¹⁰² Mawil Y. I. Dien, "Etika Islam dan Alam Sekitar", dalam Fazlun M. Khalid (ed.), *Islam and Ecology*, terj. Baharin Ramly dan Aini Majid (Pulau Pinang: Sahabat Alam Malaysia, 1997), m.s. 40

¹⁰³ Hassan Salleh, *al-Qawa'id al-Fiqhiyah* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1984), m.s. 104

¹⁰⁴ Dien, *Op.cit.*, m.s. 42

¹⁰⁵ Abd al-Latif Muhammad Al-Abdi, *al-Akhlaq fi al-Islam* (Kaherah: Maktabah Dar al-'Ulum, 1985) m.s. 7

¹⁰⁶ Munirah Hashim, *Panduan Merawat Hati* (Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas, Tanpa Tahun), m.s. 102 - 103

¹⁰⁷ *Al-Quran*, 25 : 67

¹⁰⁸ *Al-Quran*, 4 : 1

¹⁰⁹ *Al-Quran*, 17 : 44

¹¹⁰ Daripada Umar Ibn al-Khattab, Nabi Muhammad s.a.w. bersabda yang bermaksud: Malaikat Jibril bertanya kepada Nabi Muhammad tentang *ihsan*. Baginda menjawab *ihsan* itu ialah kamu mengabdikan diri kepada Allah seolah-olah melihatnya. Jika kamu tidak merasai melihatnya maka dia sentiasa melihat kamu. (Riwayat Muslim)

¹¹¹ *Al-Quran*, 5 : 2